

Majlis Penyerahan Surat Kenaikan Pangkat



Labuan – Majlis penyerahan surat kenaikan pangkat telah berlangsung pada 15 Jun 2017 (khamis) dan bertempat di Bilik Benua, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri W.P Labuan.

Seramai 59 penerima Surat Kenaikan dari Gred DG34 hingga Gred DG52 peringkat Jabatan Pendidikan yang diraikan pada majlis tersebut.

Majlis penyerahan telah disempurnakan oleh Pengarah Pendidikan W.P Labuan Encik Raisin bin Saidin.

Beliau mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua warga pendidikan yang sentiasa bersungguh-sungguh tanpa mengira sama ada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan maupun Pegawai Kumpulan Pelaksana, sama-sama menjadi pemangkin kejayaan pendidikan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang dikenali umum sebagai Guru, adalah insan yang paling dekat dengan murid. Insan yang sebenarnya penyumbang utama dalam mendidik dan membangunkan manusia sebagai modal insan

yang berjaya dari pelbagai aspek, sama ada intelegnya, jasmaninya, rohaninya, sahsiahnya maupun emosinya.



Encik Raisin Saidin juga berharap agar pencapaian cemerlang para penerima surat kenaikan pangkat akan terus dipacu dengan momentum dan iltizam yang lebih tinggi dan menjadi pembakar semangat kepada warga pendidikan yang lain untuk terus menggembleng sepenuh daya usaha melalui persaingan yang sihat demi menjadikan perkhidmatan awam, secara amnya, dan perkhidmatan pendidikan, khususnya, kekal sebagai perkhidmatan yang diyakini dan disegani oleh rakyat dan menepati kehendak dan ekspektasi pemegang taruh (*stakeholder*) kita.

Perkhidmatan berkualiti dan berprestasi tinggi amatlah relevan dengan hasrat kepimpinan negara yang ingin melihat Tahun 2017 sebagai tahun penyampaian atau "*delivery year*".

